

13/01/1997

Penghuni diminta bertenang

KUANTAN, Ahad - Penghuni kuarters kerajaan di Jalan Bukit Sekilau, di sini yang menerima notis peringatan berpindah, berikutan cadangan membina pangsapuri bagi tujuan komersil di kawasan itu, diminta tidak mengendahkan amaran itu.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Hasan Arifin, berkata penghuni terbabit tidak perlu risau kerana setakat ini kerajaan negeri tidak terlalu terdesak untuk memajukan kawasan itu.

"Saya sudah berbincang mengenai perkara itu dengan Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob dan berharap penghuni terbabit bertenang serta tidak terlalu bimbang mengenai notis berkenaan," katanya di sini, hari ini.

Notis peringatan itu yang dikeluarkan oleh anak syarikat kerajaan negeri, Pasdec Corporation pada 8 November lalu meminta 208 penghuni terbabit berpindah pada Mac tahun ini.

Notis pertama supaya mereka mengosongkan kuarters itu dikeluarkan awal 1995. Bagaimanapun, kedua-dua notis itu tidak menyebut rumah lain untuk digantikan kepada mereka.

Hasan, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Kemudahan Asas, berkata kerajaan negeri tidak akan menyusahkan penghuni terbabit, kerana pengorbanan dan perkhidmatan mereka kepada Pahang serta negara.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kuarters itu, Zainal Karim, berkata dalam notis yang dikeluarkan Pasdec, kuarters itu akan diroboh untuk membolehkan projek pembinaan pangsapuri dilaksanakan.

Beliau berkata, penghuni sudah memaklumkan rasa tidak puas hati mengenai amaran itu kepada Khalil dan kerajaan negeri sudah mengarahkan Pasdec menyediakan rumah lain untuk mereka.

Setakat ini, Zainal berkata, Pasdec belum membuat sebarang tindakan berdasarkan arahan itu.

Bulan lalu, penghuni terbabit juga menyuarakan masalah mereka dalam satu majlis dialog yang turut dihadiri oleh Ahli Parlimen Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman dan Presiden Cuepacs, Mohamad Mat Jid.

Di majlis itu, Mohamad berkata, Cuepacs akan membawa perkara itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, jika kerajaan Pahang gagal menyelesaikan masalah mereka.

"Kita bersimpati dengan nasib mereka dan sebagai kakitangan kerajaan mereka tidak sepatutnya dilayan begitu," katanya.

(END)